KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR

18 MEI 2023 (KHAMIS)

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR
# (KPDN)

## 18 MEI 2023 (KHAMIS)

Harian Metro

HARI : KHAMIS
TARIKH : 18/5/2023
M/SURAT : 12



# Lintang-pukang lari tinggal diesel

TANGKI tambahan yang diubah suai untuk mengisi petrol ditemukan dalam kereta Proton Saga ketika serbuan di sebuah stesen minyak di Wakaf Bharu, Tumpat. IHSAN KPDN





**Tumpat:** Seorang lelaki yang sedang mengisi diesel di sebuah stesen minyak di sini, lintang-pukang melarikan diri selepas menyedari kehadiran pihak berkuasa.

Dalam kejadian kira-kira jam 10 pagi kelmarin itu, lelaki yang memandu kereta Proton Saga di stesen minyak di Wakaf Bharu sedang membuat pengisian sebanyak RM150 sebelum serbuan dibuat.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan Azman Ismail berkata, sebaik diserbu lelaki itu terus melarikan diri sehingga nozel terjatuh dari tangki minyak kereta.

"Pemeriksaan lanjut terhadap kenderaan itu ditemukan dua tangki tambahan yang diubah suai iaitu untuk petrol di bawah papan pemuka, manakala di bonet pula untuk diisi dengan petrol.

"Lelaki itu membuat pembayaran secara dalam talian dan bagaimanapun kita akan membuat siasatan lanjut bagi mengetahui sama ada pemilik premis turut bersubahat dalam aktiviti penyelewengan bahan api bersubsidi ini," katanya dalam satu kenyataan media di sini, semalam.

Dalam operasi bersepadu yang dibuat bersama Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga Pengkalan Kubor sempena Op Tiris itu, satu lagi rampasan diesel dilakukan yang ditemui dalam kenderaan Mitsubishi Pajero.

Azman berkata, kenderaan itu ditinggalkan dalam keadaan mencurigakan di tepi Jalan Kampung Ketil, Pengkalan Kubor pagi kelmarin.

"Pemeriksaan lanjut dalam kenderaan itu ditemukan sejumlah tong plastik yang mengandungi minyak diesel dianggarkan sebanyak 1,300 liter.

"Kita percaya bahan bakar itu akan dibawa ke mana-mana pangkalan haram di Pengkalan Kubor untuk diseludup ke negara jiran dan kedua-dua kes ini akan disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# MEDIA ONLINE
# (KPDN)

## 18 MEI 2023 (KHAMIS)

| BERITA ONLINE BERTARIKH 18 MEI 2023 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 18-May | Bekalan air mineral di Kedah mencukupi, jangan buat pembelian panik | https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/05/967857/bekalan-air-mineral-di-kedah-mencukupi-jangan-buat-pembelian-panik | HM |
| 18-May | Isu bekalan minyak petrol, diesel sangat kritikal di pedalaman Sarawak | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/isu-bekalan-minyak-petrol-diesel-sangat-kritikal-di-pedalaman-sarawak/ | UM |
| 18-May | KPDN rampas 31,000 liter minyak diesel bersubsidi | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/kpdn-rampas-31000-liter-minyak-diesel-bersubsidi/ | UM |
| 18-May | LIMA'23: KPDN pantau harga barangan, perkhidmatan di 3 lokasi | https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/258989 | SH |
| 18-May | Domestic Trade Ministry to monitor prices at three locations in Langkawi during Lima'23 | https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/05/17/domestic-trade-ministry-to-monitor-prices-at-three-locations-in-langkawi-during-lima23/69682 | MALAYMAIL |
| 18-May | LIMA'23: KPDN pantau harga barangan, perkhidmatan di 3 lokasi | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2189832 | BERNAMA |
| 18-May | KPDN to monitor prices at three locations in Langkawi during LIMA23 | https://bernama.com/en/general/news.php?id=2189859 | BERNAMA |
| 18-May | KPDN Perak rampas 31,000 liter diesel bersubsidi | https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/05/1102706/kpdn-perak-rampas-31000-liter-diesel-bersubsidi | BH |
| 18-May | Authorities sniff out diesel syndicate, seize 31,000 litres of embezzeled fuel in Ipoh | https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/05/17/authorities-sniff-out-diesel-syndicate-seize-31000-litres-of-embezzeled-fuel-in-ipoh/69744 | MALAYMAIL |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 18-May | Sindiket upah tonto tumpas, KPDN rampas 31,000 liter diesel bersubsidi | https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-perak-rampas-31-000-liter-diesel-bersubsidi-sindiket-upah-tonto-pantau-pihak-berkuasa-420014%3famp=1 | ASTROAWANI |
| 18-May | KPDN Perak rampas 31,000 liter diesel bersubsidi | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2189970 | BERNAMA |